


Alternatif bendung HIV

Metro 14/10/12 MS 20

FOTO | Saifullizan Tamadi



Oleh
**Dr Norman
Mohd Norawi**

ran di piramid yang menunjukkan budaya berkhatan pernah dilakukan masyarakat Mesir kuno pada zaman firaun lagi.

Di dalam Islam berkhatan adalah amalan yang disyariatkan dan amat dituntut. Dalam mazhab Syafie, hukum berkhatan wajib sama ada ke atas lelaki atau perempuan.

Menurut mazhab Hanafi, berkhatan hukumnya sunat saja bagi kedua-dua lelaki dan perempuan. Dalam mazhab Hambali pula, Imam Ahmad berpandangan ia hanya wajib ke atas lelaki. Adapun ke atas perempuan, hukumnya hanyalah sunat. Selain perintah agama, ia untuk kesihatan individu itu juga.

Syariat berkhatan

Waktu berkhatan tidak disyaratkan ketika kecil. Dalam budaya masyarakat Arab dan Yahudi, berkhatan dilakukan ketika bayi lagi. Bagi masyarakat Melayu pula, biasanya berkhatan ketika kanak-kanak dalam umur lima hingga 12 tahun.

Dalam satu riwayat daripada Saidatina Aisyah menceritakan: "Sesungguhnya Nabi s.a.w mengkhatakan Hasan dan Husin pada hari



TAK SAKIT
...Mohd Azirul Amin Osman, 8, bermain Play Station ketika berkhatan sempena cuti persekolahan di Masjid Negara.

ketujuh kelahiran mereka berdua." (Riwayat Imam al-Baihaqi dan al-Hakim)

Banyak hadis Rasulullah menunjukkan mengenai pensyariaan khatan, antaranya hadis diriwayatkan daripada Abu Hurairah katanya, bahawa Rasulullah bersabda yang bermaksud: "Ada lima perkara yang dikategorikan sebagai fitrah (sifat semula jadi) seseorang manusia iaitu berkhatan, mencukur bulu kemaluan, memotong kuku, mencabut bulu ketiak dan menggunting misai." (Hadis riwayat al-Bu-

khari dan Muslim)

Kebanyakan ulama berpendapat, khatan wajar dilakukan ketika kanak-kanak lelaki meningkat umur baligh. Malah, ada ulama berpendapat lebih afdal bagi ibu bapa atau penjaga melaksanakan khatan ke atas anak lelaki mereka sejak mula hari kelahirannya.

Seorang ulama terkenal, Ibnu Juzaiy mempunyai pendapat berbeza yang ditulis dalam kitabnya al-Qawamin al-Fiqhiyyah. Beliau menggalakkan waktu khatan dilewatkan hingga anak boleh

diajarkan solat iaitu sekitar umur tujuh hingga 10 tahun.

Beliau menghukumkan makruh dilakukan khatan ke atas bayi pada hari pertama kelahirannya dan juga pada hari ketujuh kelahirannya kerana ini menyerupai amalan kaum Yahudi. Ibnu Juzaiy juga berpendapat amat dituntut diadakan jamuan makan sempena majlis berkhatan bagi lelaki tetapi tidak bagi kaum wanita.

Berkhatan dan kesihatan

Hiikmah berkhatan dari sudut agama adalah dituntut

mencadangkan satu daripada program mencegah HIV ialah dengan menggalakkan amalan berkhatan.

Berkhatan juga menurunkan insiden jangkitan HSV-2 sehingga 28 peratus, berkait dengan penurunan prevalen HPV dan risiko jangkitan kuman saluran kencing. Oleh itu, ia secara tidak langsung menurunkan risiko isteri mendapat kanser pangkal rahim.

Dari aspek perubatan, berkhatan dibuat sebagai rawatan ke atas pesakit mengalami masalah jangkitan kuman kulup zakar (balanitis), kulup mempunyai lubang pin (pinhole phimosis) atau tertutup yang menyebabkan kulup membelon ketika kencing dan juga kanak-kanak lelaki yang selalu mendapat jangkitan saluran kencing.

Sekarang terdapat inovasi yang direka untuk mengurangkan risiko pembedahan berkhatan dengan penggunaan 'klamp' plastik. Kaedah ini tidak memerlukan jahitan dan prosesnya amat cepat dilakukan. Pelbagai jenis 'klamp' terdapat dalam pasaran seperti Sunathrone, SmartKlamp, AlisKlamp, Tara Klamp, Ismail Klamp dan Plastibel.

Kaedah berkhatan dengan

Berkhatan dan kesihatan

Hikmah berkhatan dari sudut agama adalah dituntut dan menjadi amalan nabi-nabi manakala dari sudut kesihatan seseorang mengutamakan kebersihan dan kesucian, mengawal dan menstabilkan nafsu syahwat, terutama bagi kaum wanita serta memberi keselesaan ketika pasangan suami isteri bersama.

Sains membuktikan bahawa amalan berkhatan mempunyai banyak faedah kesihatan berdasarkan kajian, termasuk yang amat nyata kadar kanser zakar jauh lebih rendah dalam komuniti yang mengamalkan berkhatan seperti Muslim dan Yahudi.

Terdapat kajian terbaru menunjukkan kadar penyakit kelamin adalah rendah dalam kalangan lelaki yang berkhatan. Kajian Cochrane meta analysis yang dijalankan di Afrika pada 2007 juga menunjukkan berkhatan boleh menurunkan risiko jangkitan HIV di antara 38 hingga 66 peratus dalam tempoh 24 bulan.

Kesimpulan daripada kajian ini mencadangkan lelaki digalakkan berkhatan untuk mengurangkan penularan wabak HIV di negeri Sub Sahara Afrika. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

ra klamp, Ismail Klamp dan Plastibel.

Kaedah berkhatan dengan menggunakan klamp sudah terbukti lebih mudah, kurang pendarahan, kurang risiko jangkitan, lebih selesa kepada kanak-kanak kerana boleh terus memakai seluar, mandi dan bergerak dengan lebih selesa tanpa rasa sakit. Kanak-kanak juga mudah untuk membuang air kecil dan mudah untuk beristinjak tanpa mencemarkan luka berkhatan.

Ibu bapa hanya perlu mendapatkan khidmat doktor terlatih yang berpengalaman melakukan kaedah ini. Pengalaman penulis menggunakan kaedah 'klamp' sejak lapan tahun lalu membuktikan kelebihanannya kerana mengurangkan 'sakit pinggang' kepada doktor yang membuat pembedahan berkhatan berbanding dengan kaedah menjahit luka itu.

Terpulanglah kepada ibu bapa untuk memilih kaedah terbaik untuk mengkhatkan anak. Pastikan kaedah yang dipilih memberikan keselesaan kepada anak dan mengurangkan risiko komplikasi.

>Penulis pengamal Perubatan Am pengkhususan dalam Estetik, Anti Penuaan dan Perubatan Regeneratif